

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JANUARY 2017

Selain tumpuan khusus memakmurkan negara dalam 2017 - Najib

Jadikan Malaysia selamat

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 31 DIS.**

SELEPAS mengharungi 2016 dengan jayanya biarpun terpaksa menempuh banyak cabaran terutama dalam hal politik dan ekonomi, kerajaan komited untuk terus menjadikan Malaysia lebih selamat, makmur serta saksama pada 2017.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, di samping tumpuan khusus membangunkan negara, 2017 juga bakal menjadi saksi bahawa Malaysia tidak akan sesekali menjauhkan diri daripada menyuarakan pandangan serta terus memainkan peranan aktif dalam isu-isu global.

Bagi tujuan itu katanya, Malaysia akan tetap komited untuk menyokong usaha ke arah keamanan di Asia Barat seperti yang ditunjukkan dalam resolusi menentang

Usaha tersebut penting untuk menjayakan Transformasi Negara 2050 (TN50), sekali gus melahirkan sebuah masyarakat Malaysia maju serta penuh dengan keyakinan diri yang tinggi.

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

penempatan haram Israel di Palestin, selain berusaha menghentikan kezaliman terhadap etnik Rohingya.

Menurut Perdana Menteri, dalam konteks menjadikan Malaysia lebih selamat, makmur dan saksama, usaha tersebut penting untuk menjayakan Transformasi Negara 2050 (TN50), sekali gus melahirkan sebuah masyarakat Malaysia maju serta penuh dengan keya-

kinan diri yang tinggi.

"Sepanjang tahun lalu kerajaan berjaya membina daya tahan ekonomi negara dengan mengekalkan defisit, inflasi serta pengangguran di tahap terendah. Kita mencatat pertumbuhan antara 4.3 hingga 4.5 peratus, kadar yang menjadi impian bagi Eropah serta Amerika Utara.

"Maknanya formula kita berjaya dan rakyat wajar berbangga. Rakyat juga perlu berbangga apabila Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) merumuskan Malaysia menunjukkan prestasi ekonomi baik walaupun persekitaran global tidak menentu," katanya dalam blog, www.najibrazak.com hari ini.

Tambah Najib, kerajaan juga komited untuk memberi perkhidmatan terbaik bagi meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat dan bagi tujuan tersebut sistem pengangkutan Mass Rapid Transit (MRT) fasa pertama dilancarkan minggu lalu.

Ulm-1/1/2017
Jelasnya, selain MRT, beberapa projek lain seperti Rapid Pengerang di Johor; Malaysia Vision Valley; Bandar Malaysia; Tun Razak Exchange (TRX); Lebuhraya Pan Borneo; Rangkaian Rel Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) juga merupakan bukti kesungguhan kerajaan bagi memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri memaklumkan bahawa Malaysia akan terus berada di barisan hadapan dalam perjuangan menentang ekstremisme dan radikalisme baik dalam negara mahupun di luar negara.

"Kerajaan akan sentiasa melekatkan keselamatan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan, tetapi dalam soal ekstremisme kita sudah berdepan serangan pertama Daesh pada Jun lalu, tetapi kerajaan memberi jaminan keselamatan rakyat akan terus dilindungi," katanya.